

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

PRESTASI PERDAGANGAN BORONG & RUNCIT, MALAYSIA, MEI 2025

**Jualan Perdagangan borong & runcit pada Mei 2025 mencecah
RM154.3 bilion, menunjukkan pertumbuhan berterusan**

PUTRAJAYA, 14 JULAI 2025 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) hari ini mengeluarkan laporan **PRESTASI PERDAGANGAN BORONG & RUNCIT, MEI 2025**. Perdagangan borong & runcit mencatatkan jumlah jualan sebanyak RM154.3 bilion pada Mei, merekodkan pertumbuhan 4.4 peratus tahun ke tahun.

Dalam satu kenyataan rasmi, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan bahawa peningkatan dalam jualan Perdagangan borong dan runcit pada Mei 2025 didorong terutamanya oleh subsektor Perdagangan runcit dan Perdagangan borong. Subsektor Perdagangan runcit mencatatkan jumlah jualan RM67.1 bilion, meningkat sebanyak RM3.1 bilion atau 4.9 peratus tahun ke tahun. Subsektor Perdagangan borong mencatatkan RM68.2 bilion, meningkat sebanyak RM3.1 bilion atau 4.7 peratus tahun ke tahun, mencerminkan kestabilan aktiviti perniagaan dalam keseluruhan rantai bekalan. Subsektor

Kenderaan bermotor mencatatkan jualan sebanyak RM19.0 bilion dengan kenaikan tahun ke tahun sebanyak RM0.2 bilion atau 1.2 peratus.

Seiring dengan pertumbuhan sektor perdagangan, transaksi pembayaran digital di Malaysia mencatatkan peningkatan tahunan yang kukuh pada Mei 2025. Transaksi wang elektronik (*E-money*) melonjak sebanyak 70.2 peratus tahun ke tahun kepada RM21.5 bilion, mencerminkan peningkatan ketara dalam penggunaan kaedah pembayaran digital. Transaksi melalui *Real-time Retail Payments Platform* (RPP) berjumlah RM289.4 bilion menggambarkan permintaan yang semakin meningkat terhadap pembayaran serta-merta. Sementara itu, transaksi melalui *Financial Process Exchange* (FPX) berkembang sebanyak 21.1 peratus kepada RM39.2 bilion, didorong oleh peningkatan aktiviti perbankan dalam talian. Transaksi kad kredit kekal stabil pada RM18.7 bilion, manakala transaksi kad debit merekodkan pertumbuhan sebanyak 8.0 peratus kepada RM14.1 bilion. Secara keseluruhan, perkembangan ini mencerminkan perluasan berterusan saluran pembayaran digital selaras dengan perubahan corak perbelanjaan pengguna dan kemajuan digitalisasi dalam infrastruktur pembayaran di Malaysia.

Menurut Ketua Perangkawan, Jualan runcit di kedai bukan pengkhususan merekodkan peningkatan sebanyak 4.0 peratus tahun ke tahun kepada RM25.9 bilion. Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh peningkatan jualan di kedai runcit, pasar raya, pasar mini dan gedung serbaneka & pasar raya. Jualan runcit di kedai pengkhususan turut menunjukkan prestasi positif dengan pertumbuhan sebanyak 5.2 peratus kepada RM14.1 bilion. Prestasi ini disumbangkan oleh peningkatan jualan runcit barang farmaseutikal & perubatan, kosmetik, pakaian, barang kemas dan kasut. Sementara itu, Jualan runcit peralatan isi rumah merekodkan pertumbuhan 5.6 peratus tahun ke tahun, berjumlah RM7.7 bilion, dipacu terutamanya oleh Jualan runcit tekstil, perkakasan

rumah dan perabot. Selain itu, Jualan runcit bahan api kenderaan dan Jualan runcit makanan, minuman & tembakau turut mencatatkan pertumbuhan, masing-masing sebanyak 5.7 peratus dan 6.4 peratus.

Mengulas lanjut mengenai prestasi subsektor Perdagangan borong, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menjelaskan bahawa Jualan borong barangan isi rumah mencatatkan peningkatan 7.4 peratus tahun ke tahun, mencapai RM14.7 bilion. Pertumbuhan ini dipacu oleh jualan yang tinggi dalam barang farmaseutikal & perubatan. Jualan borong makanan, minuman & tembakau juga menunjukkan pertumbuhan kukuh sebanyak 7.7 peratus kepada RM14.1 bilion. Prestasi ini disokong oleh peningkatan dalam jualan ikan & makanan laut lain serta daging, unggas & telur. Di samping itu, Lain-lain pengkhususan jualan borong juga menyumbang kepada prestasi keseluruhan subsektor ini dengan mencatatkan peningkatan sebanyak 1.8 peratus kepada RM24.6 bilion. Sementara itu, Jualan borong jentera, kelengkapan dan bekalan mencatatkan pertumbuhan 5.1 peratus tahun ke tahun, berjumlah RM5.4 bilion, disokong terutamanya oleh peningkatan jualan dalam kelengkapan telefon bimbit & telekomunikasi serta jentera dan kelengkapan pembinaan & kejuruteraan awam.

Dalam tempoh yang sama, subsektor Kenderaan bermotor mencatatkan peningkatan jualan berbanding tahun sebelumnya, disokong oleh kenaikan 0.2 peratus dalam Jualan kenderaan bermotor, mencecah RM9.9 bilion. Trend yang sama turut dilaporkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), yang merekodkan pendaftaran kenderaan sebanyak 74,393 berbanding 73,901 kenderaan pada tahun sebelumnya. Ini diikuti dengan pertumbuhan 2.1 peratus dalam Jualan komponen & aksesori kenderaan bermotor kepada RM5.1 bilion. Sementara itu, Jualan, penyelenggaraan dan pembaikan motosikal turut mencatatkan pertumbuhan 8.2 peratus tahun ke tahun, mencapai RM1.2 bilion.

Jualan runcit dalam talian pada Mei mencatatkan peningkatan dengan indeks meningkat 2.2 peratus tahun ke tahun. Namun begitu, selepas pelarasan musim, indeks merekodkan penurunan -3.4 peratus bulan ke bulan.

Dari segi indeks volum, Perdagangan borong & runcit mencatatkan kenaikan 4.1 peratus tahun ke tahun. Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh subsektor Perdagangan borong yang meningkat 5.8 peratus, diikuti oleh Perdagangan runcit dengan kenaikan sebanyak 3.7 peratus. Sementara itu, subsektor Kenderaan bermotor mencatatkan peningkatan marginal 0.1 peratus pada bulan ini. Dari segi pelarasan musim, indeks volum kembali positif dengan 1.6 peratus bulan ke bulan berbanding April 2025.


Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah berjaya menduduki kedudukan teratas di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan *Open Data Inventory (ODIN) 2024/25* yang dikeluarkan oleh *Open Data Watch (ODW)*, mengatasi 198 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Carta 1: Nilai Jualan Perdagangan Borong & Runcit




Carta 2: Nilai Jualan Perdagangan Borong




Carta 3: Nilai Jualan Perdagangan Runcit



Carta 4: Nilai Jualan Kenderaan Bermotor



Carta 5: Indeks Jualan Runcit Dalam Talian



**Jadual 1: Platform Pembayaran di Malaysia
(Januari 2024 – Mei 2025)**

Tahun	Bulan	Instrumen Pembayaran			Sistem Pembayaran				
		Kad Kredit	Kad Debit	E-money	(RM bilion)				
					Interbank GIRO	FPX	Direct Debit	JomPAY	RPP
2024	Jan.	18.8	12.4	11.6	139.1	31.0	6.2	5.0	229.6
	Feb.	17.3	12.5	11.5	120.9	27.6	5.8	4.8	207.5
	Mac	17.8	13.4	11.8	128.5	32.1	6.3	4.7	229.2
	Apr.	16.8	12.7	11.7	129.4	28.3	6.7	4.7	229.4
	Mei	17.7	13.0	12.6	135.4	32.3	6.3	4.8	240.6
	Jun	17.1	12.7	12.7	118.9	28.0	5.6	4.6	230.4
	Jul.	17.7	12.6	13.4	138.5	33.5	6.8	5.2	256.1
	Ogos	17.8	12.7	14.2	133.9	34.3	6.0	5.2	254.7
	Sep.	17.9	12.6	14.7	126.8	31.7	5.9	4.7	244.2
	Okt.	18.5	13.2	15.8	132.6	31.9	6.4	4.9	262.6
	Nov.	18.2	12.6	16.2	130.3	34.5	6.2	4.7	261.0
	Dis.	20.5	14.7	17.9	143.5	35.0	6.8	4.9	294.1
2025	Jan.	20.1	14.9	19.5	142.0	38.6	6.4	5.0	290.7
	Feb.	16.8	12.7	17.3	118.1	32.9	6.0	4.9	250.3
	Mac	19.1	15.6	20.3	140.3	40.4	6.4	4.9	297.7
	Apr.	17.7	13.3	19.7	130.0	35.5	7.3	4.7	277.8
	Mei	18.7	14.1	21.5	130.0	39.2	6.9	4.9	289.4
Tahun ke Tahun (%)									
2025	Jan.	6.8	19.9	68.2	2.1	24.6	3.5	-1.0	26.6
	Feb.	-2.6	1.8	50.7	-2.3	19.3	3.8	2.8	20.6
	Mac	7.0	16.2	71.2	9.2	25.9	1.4	3.5	29.9
	Apr.	5.5	4.5	68.7	0.5	25.4	9.1	0.8	21.1
	Mei	5.4	8.0	70.2	-3.9	21.1	9.0	0.6	20.3

Sumber: Bank Negara Malaysia (BNM)

**Jadual 2: Agregat Kewangan M1 di Malaysia
(Januari 2024 – Mei 2025)**

Tahun	Bulan	M1 (RM bilion)	Tahun ke Tahun (%)
2024	Jan.	639.2	6.4
	Feb.	639.9	6.9
	Mac	645.3	8.0
	Apr.	638.5	7.1
	Mei	635.4	6.8
	Jun	642.1	6.4
	Jul.	636.8	7.2
	Ogos	637.5	6.0
	Sep.	644.9	6.0
	Okt.	645.2	4.5
	Nov.	655.0	4.9
	Dis.	666.5	4.4
2025	Jan.	663.3	3.8
	Feb.	661.9	3.4
	Mac	667.5	3.4
	Apr.	662.9	3.8
	Mei	663.1	4.4

Sumber: Bank Negara Malaysia (BNM)

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
14 JULAI 2025